

Hari Selasa
28 Disember 1999



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEPULUH**

TEN LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA
FIRST MEETING

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KESEPULUH

TEN LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG PERTAMA
FIRST SESSION

MESYUARAT YANG PERTAMA
SECOND MEETING

<u>Kandungan</u>	<u>Muka Surat</u>
Rang Undang-undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999.	3
Perbahasan Rang Undang-undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999 oleh Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Encik Lim Boo Chang).	8
Perbahasan Rang Undang-undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999 oleh Ahli Kawasan Jawi (YB. Puan Tan Cheng Liang).	10
Perbahasan Rang Undang-undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999 oleh Ahli Kawasan Penanti (YB. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir).	13

Perbahasan Rang Undang-undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999 oleh Ahli Kawasan Bukit Gelugor (YB. Dato' Koay Kar Huah).	14
Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya Usul perlantikah Ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	22
Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya Usul perlantikah Ahli Jawatankuasa Peraturan- peraturan Mesyuarat bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	34
Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya Usul perlantikah Ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	36
Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya Usul perlantikah Ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh.	38
Pemilihan Ahli Dewan Negara.	40

Laporan Persidangan

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG YANG KESEPULUH**

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL YANG PERTAMA**

Hari Sabtu: 28 Disember 1999

*(Tempat: Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.*

HADIR:

Yang Berhormat Dato' Speaker (Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid) –
Ahli Kawasan Pinang Tunggal.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ahli
Kawasan Tanjung Bunga

Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri (Dato' Dr. Hilmi bin Haji
Yahaya)

“ “ Setiausaha Kerajaan Negeri (Dato' Jamaluddin bin Haji
Ahmad Damanhuri)

“ “ Penasihat Undang-undang Negeri (Dato' Alizatul Khair
bt. Osman Khairuddin)

“ “ Pegawai Kewangan Negeri (Dato' Khalid bin Ramli)

“ “ Ahli Kawasan Batu Uban (Dato' Kee Phaik Cheen)

“ “ Ahli Kawasan Perai (Dato' Dr. Rajapathy a/l
Kuppusamy)

“ “ Ahli Kawasan Sungai Acheh (Dato' Haji Abdul Rashid
bin Abdullah)

“ “ Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Dato' Koay Kar Huah)

“ “ Ahli Kawasan Machang Bubuk (Dato' Dr. Toh Kin
Woon)

Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

- “ “ Ahli Kawasan Kebun Bunga (Dr. Teng Hock Nan)
- “ “ Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Puan Jahara bt. Hamid)
- “ “ Ahli Kawasan Paya Terubong (Dr. Loh Hock Hun)
- “ “ Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dato' Dr. Sak Cheng Lum)
- “ “ Ahli Kawasan Padang Kota (Encik Teng Chang Yeow)
- “ “ Ahli Kawasan Telok Kumbar (Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
- “ “ Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Lee Hack Teik)
- “ “ Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Lai Chew Hock)
- “ “ Ahli Kawasan Bertam (Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- “ “ Ahli Kawasan Jawi (Puan Tan Cheng Liang)
- “ “ Ahli Kawasan Bukit Tengah (Puan Ng Siew Lai)
- “ “ Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Jasmin bin Mohamed)
- “ “ Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Lim Gim Soon)
- “ “ Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Looi Swee Cheang)
- “ “ Ahli Kawasan Sungai Puyu (Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- “ “ Ahli Kawasan Air Itam (Encik Lye Siew Weng)
- “ “ Ahli Kawasan Berapit (Encik Lau Chiek Tuan)
- “ “ Ahli Kawasan Permatang Berangan (Encik Abd. Ro'ni bin A. Hasan)
- “ “ Ahli Kawasan Seberang Jaya (Dr. Radin Muhamad Amin bin Radin Hj. Hadi Munir)
- “ “ Ahli Kawasan Datok Keramat (Encik Lim Boo Chang)
- “ “ Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Lim Chien Aun)
- “ “ Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- “ “ Ahli Kawasan Permatang Pasir (Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- “ “ Ahli Kawasan Batu Lanchang (Encik Law Heng Kiang)

TURUT HADIR:

Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Kasim bin Md. Isa).

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan disambung semula.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Wang Pinjaman Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R 1999.

Setiausaha:

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Enekman untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi daripada RM1,808,850. (Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Ringgit) Sahaja daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah T2R dan bagi maksud yang bersampingan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam sejumlah wang tidak melebihi Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Ringgit (RM1,808,885,000) daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan peningkatan sistem taraf komputer di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah T2R dan bagi maksud yang bersampingan dengannya.

Tuan Speaker:

Rang Undang-Undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker saya mohon kebenaran Dato' Speaker di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk mencadangkan pengangkutan peraturan 59 Peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-Undang ini dibawa semua peringkatnya di dalam Mesyuarat ini.

Tuan Speaker:

Saya beri kebenaran.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker saya mohon mencadangkan supaya Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantung kuat kuasanya buat sementara bagi membolehkan Rang Undang-Undang Enakmen Wang Pinjaman (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi T2R) tahun 1999 dibawa dalam semua peringkatnya di dalam Mesyuarat ini juga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalahnya ialah satu cadangan telah dibuat oleh Y.B. Ahli Kawasan Bukit Gelugor dibawah Peraturan Majlis Mesyuarat 118 untuk penggantungan Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang Enakmen Wang Pinjaman (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R) 1999 di bawa dalam semua peringkatnya di dalam Mesyuarat ini. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya." yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Ya.” sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen Wang Pinjaman (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R) Tahun 1999 bacaan bagi kali kedua.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama 'suatu Enakmen untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi daripada RM1,808,850 (Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Sahaja) daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan peningkatan taraf sistem komputer di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah T2R bagi maksud yang bersampingan denganya dibacakan bagi kali kedua.

Dato' Speaker, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk mendapatkan kuasa berkanun bagi membolehkan kuasa berkanun bagi Kerajaan Negeri meminjam dari Persekutuan apa-apa jumlah yang tidak melebihi RM1,808.850 (Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Sahaja) daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan peningkatan taraf sistem komputer untuk menangani masalah Y2K di jabatan dan agensi Kerajaan Negeri dan bagi tujuan-tujuan yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini diperlukan kerana sebagaimana peruntukan dibawah Fasa 2 Perkara 111 Perlembagaan Persekutuan Kerajaan Negeri tidak dibenarkan meminjam kecuali dibawah kuasa Undang-undang Negeri.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sememangnya telah mengambil berbagai langkah bagi menangani masalah T2R atau masalah Pepijat Alaf atau *Millennium Park* dengan izin bagi memastikan semua perkhidmatan Kerajaan Negeri berjalan dengan lancar apabila memasuki alaf baru tahun 2000. Tindakan-tindakan ini telah dilaksanakan sejak tahun 1997 lagi. Selaras dengan garis panduan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh agensi-agensi sektor awam dalam menangani masalah *Millennium* menjelang tahun 2000 yang telah dikeluarkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, MAMPU serta juga panduan dan arahan dari Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- 1) Mewujudkan jawatankuasa operasi pelan kontingensi negeri yang bertanggungjawab bagi menentukan dan menyelaraskan pelan kontingensi peringkat negeri serta juga jawatankuasa operasi pelan kontingensi daerah.
- 2) Menggerakkan pusat operasi T2R negeri dan daerah yang akan dibuka dan akan mula beroperasi dari 30 Disember 1999 sehingga 3 Januari 2000 dan 28 Februari 2000 hingga 1 Mac 2000. Bilik Gerakan Negeri dan Bilik Gerakan di Daerah-daerah akan digunakan sebagai tempat operasi. Kedua-dua pusat ini akan memantau masalah T2R bagi memastikan tidak timbul sebarang kekecohan atau kebimbangan orang ramai terhadap masalah T2R. Oleh kerana tempoh ini dianggap fasa yang kritikal, pusat ini akan beroperasi selama 24 jam. Manakala fasa yang tidak kritikal dari tempoh 15 Disember 1999 sehingga 29 Disember 1999 dan 4 Januari 2000 hingga 29 Februari 2000. Kedua-dua pusat tersebut akan hanya beroperasi pada waktu pejabat.
- 3) Berhentikan operasi IT di semua jabatan dan agensi negeri pada 31 Disember 1999 ini termasuk menutup semua perkhidmatan kaunter yang menjalankan transaksi komputer secara terus, *on-line transaction* dengan izin.

Langkah ini bertujuan membolehkan semua jabatan dan agensi negeri berkenaan mempunyai masa yang cukup untuk membuat kerja-kerja mengemaskinikan maklumat, pencetakan laporan dan sokongan sistem komputer sebelum menjelang alaf baru. Kajian yang dijalankan oleh Pusat Komputer, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada tahap awalnya mendapati masih terdapat beberapa sistem komputer di agensi dan Pejabat Kerajaan yang tidak mematuhi T2R atau pun Y2K *compliance* dengan izin. Oleh kerana Kerajaan Negeri menghadapi masalah dalam menyediakan peruntukan kewangan sekali gus untuk menghadapi masalah T2R ini. Sebahagian dari masalah tersebut belum dapat diatasi sepenuhnya. Justeru itu permohonan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan melalui MAMPU bagi mendapatkan pinjaman tanpa faedah setelah dipertimbangkan oleh pihak MAMPU dan dapat sokongannya. Perbendaharaan Malaysia baru-baru ini telah meluluskan pinjaman berjumlah RM1,808,850 (Ringgit Ringgit Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh). Pengeluaran pinjaman akan diuruskan oleh Perbendaharaan Malaysia sebelum akhir tahun ini setelah perjanjian disempurnakan oleh kedua-dua pihak. Pinjaman ini akan digunakan untuk meningkatkan tahap beberapa sistem khususnya berkaitan dengan kutipan hasil yang dikenal pasti yang tidak mematuhi T2R. Ini memandangkan terdapat perisian dan juga perkakasan yang digunakan ada dalam versi lama yang tidak dapat digunakan lagi. Sehubungan dengan ini pinjaman yang diperolehi ini akan digunakan bagi tujuan-tujuan berikut:-

- i) Menggantikan komputer mikro sebanyak 130 unit untuk Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri dan tidak patuh T2R.
- ii) Perolehan *server* bagi menggantikan *server* lama di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.
- iii) Sistem pendaftaran dan kutipan sewa perumahan negeri. Sistem implikasi kadar *star* serba guna di Pusat PEGIS.

- iv) Sistem Telemas, Telemas 2020 *voice mail and call billing module* dengan izin, Sistem Cukai Tanah QIAS di Pejabat Tanah dan Galian.
- v) Sistem Kawalan Perbelanjaan Berinteraksi Sikap di Jabatan Kewangan Negeri.
- vi) Mengantikan 15 unit komputer mikro di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri yakin bahawa walaupun terdapat penambahan dalam jumlah pinjaman keseluruhannya, namun ianya tidak akan dapat menggagalkan urusan pembayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri selama ini telah menunjukkan prestasi yang baik dalam menjelaskan hutang dan telah berupaya untuk membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual yang telah ditetapkan. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar b. Ibrahim):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Sekarang dibuka untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasih Dato' Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Enakmen Wang Pinjaman 1999 (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R).

Dato' Speaker, sebelum saya merujuk kepada isu wang pinjaman ini, saya ada satu masalah di sini iaitu pada masa saya buat soalan, soalan bertulis yang pertama. Saya tanya berapa ramaikah premis Akta Kawalan Sewa dalam KADUN Datok Keramat yang berdaftar yang telah diperuntukan perumahan kos rendah, kos sederhana rendah oleh Pejabat

Perumahan Negeri dan MPPP? Jawapan yang diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri ialah statistik mengikut KADUN tidak dapat diberi, kerana maklumat perumahan(gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat sesi soal jawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Ya, ini merujuk kepada komputer diberi kerana, Dato' Speaker maklumat perumahan hanya disimpan mengikut daerah. Ini menunjukkan kelemahan sistem komputer Dato' Speaker, Kerajaan Negeri. Daerah boleh dapat, KADUN tidak boleh dapat, macam mana boleh. Ini meningkatkan taraf itu persaingan negeri dan taraf pentadbiran negeri melalui komputer. Bolehkah komputer masukkan jalan nama-nama sebuah KADUN pun boleh dapat. Dalam daerah itu berapa jalan, lorong semua masuk. KADUN di Telok Bahang, KADUN di Tanjung Bungah pun boleh dapat, bukan sahaja untuk KADUN say2. Ini isu yang pertama, iaitu meningkatkan taraf lagi melalui komputer untuk Kerajaan Negeri, kalau mahu meluluskan bil ini mesti ingat baik-baik.

Yang Kedua, iaitu Dato' Speaker, saya menghargai tujuan Kerajaan Negeri memperkenalkan Enakmen ini. Walau bagaimanapun mengapakah Enakmen ini hanya diperkenalkan pada hari ini. Hanya tinggal 4 hari, 4 hari sebelum 1 Januari 2000 di mana masalah Y2K atau T2R dijangka akan berlaku pada 1 Januari 2000. Bukan ke ini satu petanda fikiran yang singkat, *short sightedness* dengan izin atau kelemahan *witness administration* kelemahan pentadbiran, semasa persidangan Dewan yang lalu, kita selalu diberi tahu yang Kerajaan Negeri tiada masalah dengan T2R. Jika sedemikian Rang Undang-undang ini diperkenalkan, iaitu hampir 4 hari sebelum masalah ini diadakan. Sungguhpun begitu Dato' Speaker, saya berharap kita terlalu belanja dan tentu sekali tidak belanja di luar garis panduan Rang Undang-undang ini. Dalam erti kata lain duit patut dibelanja untuk kerja-kerja berkaitan dengan mengatasi masalah T2R sahaja dalam sistem komputer di Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri dan bukan untuk lain-lain masalah dalam sistem komputer yang tidak ada kaitan dengan masalah T2R.

Dato' Speaker, kita telah mempelajari dari kempen menubuhkan tabung yang diadakan oleh Kerajaan Negeri yang dinamakan Jalan Ria Multimedia. Di bawah sekim ini penuntut-penuntut sekolah diminta mengutip derma, tetapi akhirnya sekolah-sekolah berkenaan tidak diberikan wang tunai atau hak membelanjakan wang itu. Tetapi diberikan komputer-komputer yang dibeli oleh pihak-pihak yang terlibat.

Oleh yang demikian, Dato' Speaker pokoknya ialah siapakah yang patut menjadi pembekal komputer dan kenapa sekolah-sekolah dinafikan peluang untuk memilih jenama komputer mereka atau pembekal komputer. Saya dimaklumkan Dato' Speaker bahawa Kementerian Pendidikan telah mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan penyertaan Jabatan Pendidikan Negeri dalam perkara ini dan juga mengarahkan Jabatan Pendidikan Negeri tidak berperanan dalam perkara seperti ini pada masa akan datang. Kecuali dengan kebenaran bertulis yang jelas daripada Kementerian berkenaan.

Dato' Speaker, apa yang cuba saya menunjukkan di sini, walaupun sesuatu benda kelihatan baik pada permukaannya tetapi sebenarnya ia tertakluk kepada penyalahgunaan orang-orang yang tidak bertanggungjawab dalam proses pelaksanaan. Selagi pentadbiran negeri boleh menjamin bahawa dana baru ini berjumlah RM1,808,850 (Satu Juta Lapan Ratus Lapan Ribu Lapan Ratus Lima Puluh Ringgit) akan ditadbirkan tanpa penyalahgunaan, atau menyeleweng dari tujuannya, Dato' Speaker tiada sebab mengapa saya tidak patut menyokong Enakmen ini dan saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Siapa lagi, saya jemput Yang Berhormat daripada Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya juga bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dalam Rang Undang-undang Enakmen Wang Pinjaman untuk Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R.

Yang Berhormat Dato' Speaker saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datok Keramat kerana saya rasa cukup hairan dan terkejut bila saya terima cadangan untuk Rang Undang-undang ini diluluskan dalam Dewan Yang Mulia ini kerana dalam fikiran saya bahawa kita berapa Yang Berhormat daripada sejak 2 tahun dahulu telah membangkitkan berkenaan dengan persiapan dan masalah Y2K atau T2R dan kita minta supaya pihak Kerajaan mengambil tindakan yang serius dan rancangan yang teliti untuk membuat persiapan ke atas masalah komputer T2R ini dan memang kita cuma tinggal 4 hari sahaja dan akan masuk ke alaf baru dan tarikh tahunan akan masuk ke tahun 2000 dan masa ini tidak menunggu kita dan saya kuatir sekiranya baharu hendak meminta pinjaman untuk dapatkan lebih banyak untuk membuat persiapan dan juga bila saya mendengar hebahan daripada radio bahawa meminta semua rakyat supaya jangan pergi ke bank untuk masukkan *transaction* pada 31hb. Disember tahun ini kerana bank-bank pun tiada keyakinan bahawa komputer mereka sudah sedia dengan sepenuhnya kerana daripada radio ini kita dengar bahawa mereka bimbang sekiranya silap kira ada berlakunya keadaan huru-hara.

Saya ada membaca dalam sebuah majalah berapa bulan dahulu bahawa di negara asing seperti di USA, mereka telah membuat semua persiapan dan ada satu kes ujian selepas persiapan telah dibuat berkenaan dengan komputer itu dan didapati memang ada kelemahan di dalam sistem komputer mereka iaitu didapati seorang pekerja menerima sepucuk surat pengetahuan notis bahawa syarikat ini telah berhutang 600 hari cuti *unpaid leave* bukan *unpaid leave*, *leave*, cuti yang tidak diambil oleh pekerja itu jadi sekiranya pekerja itu tidak ingin mengambil cuti bahawa syarikat akan membayar balik gaji sebanyak seratus satu hari, enam ratus sehari bermaksud enam puluh ribu US, jadi pekerja itu berasa gembira. Ini adalah kesilapan komputer, dan satu lagi kes berlaku contoh di *Finland* ada seorang wanita tua yang berumur 101 tahun dan beliau menerima sepucuk surat daripada Kerajaan diminta supaya mendaftarkan diri di tadika yang berhampiran kerana di dalam perkiraan komputer beliau baru berumur 1 tahun. Jadi saya tidak mahu berlakunya perkara seperti ini di negari Pulau Pinang. Saya tidak tahu sama ada semua *backbencher* nanti akan menerima gaji yang lebih atau kita berhutang balik dengan Kerajaan. Apa yang saya bimbang adalah sekarang dikalangan rakyat banyak wanita bila mereka pergi ke pasar, bercakap-cakap bahawa pada 31hb. hingga 1hb. Januari tahun hadapan, semua bekalan air dan bekalan elektrik akan diputuskan dan banyak suri rumah tangga telah membuat persiapan pergi membeli tong-tong yang besar untuk menyimpan air dan ada yang bimbang sekiranya keputusan bekalan elektrik dalam keadaan yang gelap dua, tiga hari.

Berkenaan dengan keselamatan penduduk kita, jadi saya ingin tahu di dalam Dewan Yang Mulia ini saya ingin menerima jawapan apakah persiapan yang telah dibuat oleh agensi-agensi Kerajaan? Dan kemudahan-kemudahan utiliti ini, adakah sama? Kalau daripada Rang Undang-undang yang akan dibentangkan diminta untuk kelulusan. Adakah ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang memang belum bersiap sedia? Saya rasa sekiranya yang saya kuatiri ini benar, bukankah ini menunjukkan kelemahan dan prestasi Kerajaan yang kurang memuaskan.

Saya juga berasa kecewa kerana banyak kali kita bangkitkan juga di dalam Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan sistem komputer yang lebih lengkap iaitu untuk menjaringkan semua pentadbiran 5 Pejabat Daerah di seluruh negeri Pulau Pinang dengan semua agensi Kerajaan disambungkan, dijaringkan dengan Pusat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita juga pernah mendengar jawapan di dalam Dewan ini bahawa kita ada Penang Net dan kita akan jadikan Pulau Pinang sebagai satu *IT City*, *Wisdom City*, tetapi apa yang didengar bunyinya kuat, tetapi air hujan sedikit.

Saya rasa sedikit kecewa, kerana semalam, banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat dari *backbencher* menyertai, mengambil bahagian dalam perbincangan dan telah memberikan cadangan, pandangan dan kritikan yang bagus dan bermanfaat, tetapi semalam kita dapati ada 5 orang EXCO tidak menjawab, tidak mengambil bahagian di dalam perbincangan. Jadi sekiranya dalam Dewan Yang Mulia ini, pandangan-pandangan, cadangan kita ini tidak diambil tindakan serius, maka berlakulah seperti perbincangan permulaan tadi. Dua tahun dahulu pun kita telah mengemukakan semua cadangan ini, tetapi sehingga ke hari ini baharu nampak tindakan Kerajaan. Saya tidak tahu sama ada kita boleh ikut arahan Y.A.B. Perdana Menteri iaitu keluarkan 13 muka syarat-syarat tanggungjawab untuk semua Menteri dan semua Timbalan Menteri dan Kod Etika sejumlah 14 muka untuk semua Menteri. Saya tidak tahu sama ada di Negeri Pulau Pinang kemungkinan kita juga boleh adakan satu rancangan seperti ini, bahawa kita rancangkan syarat-syarat tanggungjawab untuk semua EXCO dan juga Kod Etika di dalam Dewan juga untuk semua EXCO. Kemungkinan *backbencher* ini boleh membuat cadangan, jadi saya rasa dengan ada cadangan yang seumpama ini maka semua Ahli-ahli EXCO akan mengambil tindakan yang lebih serius terhadap cadangan dan kritikan di dalam Dewan ini dan kemungkinan kita juga dapat menilai prestasi kerja semua EXCO. Saya dengan ini juga ingin ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Speaker dan saya memohon menyokong.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat dari Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Assalamualikum warahmatullahi wabarakatuh, Yang Berhormat Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya bagi pihak barisan pembangkang ingin turut menyokong di atas Rang Undang-undang yang memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi RM1,808,850 daripada Persekutuan.

Walau bagaimanapun pihak pembangkang ingin meningkatkan bahawa Y2K ini kita bimbang ia menjadikan satu momokan daripada pencipta-pencipta komputer dan juga perusahaan industri komputer yang mengempar-gemburkan mengenai Y2K sebab itu kita rasakan pinjam duit ini jangan secara mudah kita belanjakan semata-mata untuk mengatasi masalah Y2K, walaupun Y2K sedikit sebanyak memberi kesan yang baik kepada parti pembangkang barisan alternatif yang dikenali sebagai *Yes To Keadilaan* semasa pilihan raya dahulu, sebab itu barang kali Barisan Nasional saya katakan bahawa menyedari hakikat ini maka tukar ke Bahasa Melayu T dua R ataupun T *two* R, pun juga mengatakan 'Tidak *to* Rakyat'. Ini saya *joke* sahajalah, tetapi walau bagaimanapun Y2K dikenali sebagai *Yes to Keadilan*....(ketawa).

Yang Berhormat Dato' Speaker, kita menyokong hal ini oleh sebab bukan kerana kita harus menyediakan satu penyediaan sebelum...(gangguan).

Tuan Speaker:

Penjelasan Yang Berhormat Jawi.

Ahli kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Apa maksud *Yes to Keadilan*? Keadilan ini adalah satu perkataan yang umum yang dipakai oleh semua orang, dia bukan *yes to parti* keadilan cuma *yes to* keadilan sahaja.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya tidak katakan parti....(ketawa), saya katakan keadilan, saya tidak *mention party* dengan izin, saya katakan keadilan *only*....(ketawa), boleh terima.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga setuju dengan Ahli Yang Berhormat daripada Jawi, walaupun saya pernah masuk Jawi....(ketawa), masuk ke kawasan Jawilah. Jadi ada cerita juga yang mengatakan bahawa menjelang alaf baru ini semua orang akan takut menaiki kapal terbang, oleh sebab kapal terbang akan berhenti di angkasa apabila tibanya masa keadaan di gembarkan mengenai dengan Y2K, semalam kita mendengar Bank Negara mengatakan tidak ada masalah di dalam *transaction* bank mengenai Y2k ini.

Saya harap walaupun peruntukan ini diadakan, walaupun pada pandangan Kerajaan Negeri ia tidaklah banyak sangat hanya RM1 juta, tetapi ini adalah duit rakyat, sebahagian daripada duit rakyat yang harus kita berhemat tentang jangan kita terlalu gairah untuk membelanjakan ini semua semata-mata takutkan Y2K. Itulah sahaja Yang Berhormat Dato' Speaker yang saya ingin memperingatkan. Sekian, terima kasih saya turut menyokong.

Tuan Speaker:

Siapa lagi?, Saya menjemput Ahli Yang Berhormat Kawasan Bukit Gelugor.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Terima kasih Dato' Speaker, sebenarnya Y2K ini boleh bermakna *Yes to* Kerajaan. Dato' Speaker, saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang ini. Mengenai soalan dari Yang Berhormat Datok Keramat, berkenaan dengan dapat statistik dari Pusat Komputer mengikut KADUN, saya percaya perkara ini boleh dilaksanakan sekiranya memberikan masa yang mencukupi, saya ingat komputer sempat mendapatkan statistik ini. Soalan ke dua mengenai bekalan komputer ke sekolah-sekolah masalah ini bukanlah di dalam konteks Rang Undang-undang ini. Ini adalah program komputer yang berlainan.

Tuan Speaker:

Penjelasan Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan Dato' Speaker, bolehkah saya mendapatkan penjelasan, tentang isu multi-ria , isu komputer mengutip wang melalui murid-murid itu dari EXCO yang bertanggungjawab ADUN Yang Berhormat Kawasan Machang Bubuk?

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, ada kaitankah dengan usul yang dibahaskan sekarang ini, lagi pun jawapan kepada soalan ini telahpun diberikan beberapa kali sudah di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Ahli kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Belum Dato' Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Sudah diberitahu beberapa kali dahulu.

Tuan Speaker:

Tiada ada kaitan dalam dalam konteks ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Jalan Ria Multimedia ini ada kaitan oleh kerana itu membekalkan komputer melalui Kerajaan, siapakah yang membekalkan komputer itu? Dan mengapa wang tunai tidak boleh diberikan kepada sekolah-sekolah yang telah dikutip itu?

Tuan Speaker:

Tidak ada Yang Berhormat, tidak ada kaitan dalam konteks ini.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, buat masa ini semua kerja untuk menangani masalah T2R telah dilaksanakan tetapi ada sebahagian kerja ini belum dibayar dan memerlukan peruntukan pinjaman ini. Kerajaan telah mengambil berbagai langkah bagi menangani masalah T2R bagi memastikan semua perkhidmatan Kerajaan Negeri berjalan dengan lancar apabila kita memasuki alaf tahun 2000. Sebenarnya semua jabatan, agensi negeri yang mempunyai sistem komputer telah mencapai tahap kesediaan T2R 100 peratus. Bagi sistem-sistem kritikal, jabatan dan agensi yang dimaksudkan adalah Pusat Komputer Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Pusat Pegis, Jabatan Kewangan Negeri, Pejabat Pengarah Tanah & Galian, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA).

Dato' Speaker, beberapa ujian Y2K telah dilaksanakan dan ujian terakhir adalah 13 November tahun ini dengan jayanya oleh semua jabatan dan agensi negeri. Sebanyak RM1.8 juta dipohon dari pihak Pusat sebagai jumlah permohonan pinjaman T2R dengan pinjaman seperti berikut:-

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri	=	RM988,140
Pejabat Pengarah Tanah & Galian	=	RM400,000
Jabatan Kewangan Negeri	=	RM330,500,710
Majlis Perbandaran Seberang Perai	=	RM75,000

Sungguhpun demikian segala usaha Y2k di agensi ini telah dilaksanakan, pinjaman ini akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja di agensi ini dan menggantikan beberapa komputer mikro dan sistem yang telah lama dan tidak mematuhi T2R. Sungguhpun semua kerja telah dibuat untuk menangani masalah Y2K tetapi Kerajaan tidak boleh menjamin bahawa semua sistem komputer tidak akan menimbulkan sebarang masalah pun apabila memasuki ke tahun 2000.

Dato' Speaker, masalah kritikal memang tidak akan timbul tetapi kita mungkin akan mendapati masalah yang tidak kritikal atau masalah yang luar jangkaan *unexpected* dengan izin. Ini adalah sebab masalah Y2K ini ialah satu masalah yang rumit dan tidak pernah dialami oleh manusia dalam sejarah dunia ini. Oleh sebab ini Kerajaan telah menubuhkan pusat operasi untuk membantu orang ramai yang menghadapi masalah Y2K ini. Inilah pusat operasi kontingensi Y2K yang ditubuhkan di peringkat negeri dan daerah.

Untuk makluman semua, pusat operasi negeri dan daerah akan dibuka bagi tujuan menerima aduan dan membuat laporan serta memantau segala maklumat perkembangan Y2K semasa diperingkat masing-masing untuk disalurkan ke pusat operasi Y2K negara. Lokasi dan waktu operasi yang dicadangkan adalah selaras dengan arahan pihak Kementerian seperti berikut:-

Fasa semasa kritikal tempoh operasi dari 30 Disember 1999 hingga 3 Januari 2000 dan 28 Februari 2000 hingga 1 Mac 2000. Waktu operasi 24 jam. Lokasi pusat operasi Y2K Negeri di Bilik Gerakan Negeri, Paras 3, KOMTAR

Pusat operasi Y2K daerah, di bilik Gerakan Daerah, di 5 buah Pejabat Daerah di Pulau Pinang.

Fasa tidak kritikal tempoh operasi 15 Disember 1999 sehingga 29 Disember 1999 dan 4 Januari 2000 sehingga 27 Februari 2000. Waktu operasi adalah waktu pejabat. Lokasi pusat operasi Y2K negeri juga di bilik Gerakan Negeri Paras 3, KOMTAR. Pusat Operasi Y2K Daerah di bilik Gerakan Daerah, di 5 buah pejabat daerah di Pulau Pinang.

Semua pusat operasi ini disediakan dengan kemudahan asas yang mencukupi untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan semua pegawai yang bertugas di pusat ini telah dilatih. Saya menyeru supaya orang ramai menghubungi pusat-pusat ini jikalau menghadapi masalah Y2K pada masa tersebut. Dato' Speaker, akhir sekali saya berharap dengan kerjasama daripada orang ramai, Kerajaan Negeri kita akan melangkah ke alaf baru tanpa gangguan dari masalah Y2K ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Penjelasan, Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Boleh Yang Berhormat daripada Bukit Gelugor menjaminkan bahawa bekalan elektrik yang *basic* ini tiada sebarang masalah. Ke dua pihak Kerajaan tidak boleh memastikan semua agensi Kerajaan bahawa semua komputer ini tidak akan berlakunya masalah, jadi sama ada jabatan-jabatan yang berkenaan ini sudah membuat sekurang-kurangnya *back up*

atau maklumat atau *data base* mereka, kalau tidak ada sekiranya berlakunya masalah komputer Y2K atau *data base* ini dimusnahkan ini akan membelanjakan banyak peruntukan lagi untuk memasuki maklumat semula. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Terima kasih, Dato' Speaker untuk makluman semua mengenai pihak pusat, satu laporan akhir pengesahan daripada kumpulan Konsultan Bebas telah mengesahkan bahawa Malaysia akan melangkah memasuki ke alaf baru dengan lancarnya. Laporan akhir ini mengatakan bahawa proses pengesahan ini tidak mengalami sebarang situasi yang dikatakan berisiko yang akan mengakibatkan perkhidmatan dalam 9 sektor utama negara ini mengalami kegagalan yang kritikal. 9 sektor ini adalah seperti sektor Kerajaan Tenaga komunikasi, air, urusan bank, insurans dan pasaran modal, pengangkutan, kesihatan, minyak dan gas serta sistem saloran najis.

Yang Berhormat Datuk Amar Leo Mogie, Menteri Tenaga Komunikasi & Multimedia mengatakan bahawa beliau amat berpuas hati dengan semua kerja yang telah dilakukan untuk memastikan satu tahun baru T2R yang mesra bagi Malaysia dan beliau berkata di Malaysia kita boleh berasa yakin bahawa kita tidak mengalami kesulitan. Laporan ini mengesahkan bahawa semua sistem komputer dan alat-alat yang kritikal dan juga alat dengan *chips electronic* yang sensitif terhadap masa telah diuji seperti Y2K *compliance*. Sekian, terima kasih.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Perbahasan telahpun selesai ke atas masalah Y2K yang boleh juga ditakrifkan sebagai *Yes to Keamanan*. Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ke 2. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya."

Tuan Speaker:

"Ya," sebulat suara.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi RM1,808,850 sahaja daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan peningkatan taraf sistem komputer dan agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah T2R dan bagi maksud yang bersampingan dengannya.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca bagi kali yang ke dua, Rang Undang-undang sekarang berada di peringkat Jawatankuasa.

Setiausaha:

“Fasal 1.”

Tuan Speaker:

“Fasal 1 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 2.”

Tuan Speaker:

“Fasal 2 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 3”

Tuan Speaker:

“Fasal 3 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 4.”

Tuan Speaker:

“Fasal 4 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

“Fasal 5.”

Tuan Speaker:

“Fasal 5 adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?”

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Negeri meminjam sejumlah wang yang tidak melebihi RM1,808,850 sahaja daripada Persekutuan bagi maksud membiayai pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan peningkatan taraf sistem komputer di Jabatan dan agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi T2R dan bagi maksud yang bersampingan dengannya.

Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan Fasal yang mengundang adakah menjadi Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato’ Koay Kar Huah):

Dato’ Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen Wang Pinjaman (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R) 1999 telah dipertimbangkan di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato’ Haji Azhar bin Ibrahim):

Dato’ Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”, yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Tuan Speaker:

“Ya.” lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen Wang Pinjaman (Pembaikan dan Peningkatan Taraf Sistem Komputer Untuk Mengatasi Masalah T2R) 1999. Maka dengan ini adalah diperbuat Undang-undang oleh Kuasa Perundangan Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Setiausaha:

Usul-usul.

Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | | | |
|-----|--|---|-----------|
| (1) | Y.B. Tuan Speaker | - | Pengerusi |
| (2) | Y.B. Encik Lee Hack Teik | - | Ahli. |
| (3) | Y.B. Encik Lim Gim Soon | - | Ahli. |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - | Ahli. |
| (5) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - | Ahli |
| (6) | Y.B. Dr. Radin Muhamad Amin bin
Radin Haji Hadi Munir | - | Ahli. |
| (7) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin
Abdul Rahman | - | Ahli |
| (8) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - | Ahli. |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri, Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapainya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Siapa ingin mengambil bahagian dalam perbahasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya akan mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Speaker:

Y.B. Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, adalah mustahak untuk semua Ahli Dewan Undangan Negeri mengambil bahagian atau menyertai dalam semua hal ehwal Dewan Undangan Yang Mulia ini.

Dulu saya pun ada dalam satu Jawatankuasa iaitu *Standing Order Committee* iaitu Jawatankuasa Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat dan dulu Y.B. dari Bayan Lepas pun menjadi Pengerusi untuk *Public Account Committee* iaitu(gangguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat kita belum sampai lagi ke *Committee*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tetapi saya mahu membuat satu ucapan untuk semua dan bukannya satu sahaja tetapi ada melibatkan dan berkaitan.

Pada kali ini Ketua Menteri atau Pihak Berkuasa membuat cadangan ini memberi buku ini kepada semua ADUN pada masa itu sebelum Dewan bersidang sebelum 18 Disember beliau telah membuat satu keputusan bahawa beliau boleh menerima Ahli-ahli Pembangkang dari PAS, DAP dan KEADILAN untuk menjadi Ahli-ahli jawatankuasa tetapi tidak boleh menerima orang ADUN yang telah berulang-ulang mereka menyokong parti Barisan Nasional. Ini menunjukkan apa? Ini adalah tidak sama dengan apa yang diucapkan oleh TYT iaitu tidak kira latar belakang politik semua ADUN. Semuanya mesti mengambil bahagian. Ini tunjuk *vindictive attitude* mahu memusuhkan atau mengalahkan seseorang. Ini bukannya semangat Barisan Nasional, dan saya protes, saya buat bantahan. Bukan saya mahu duduk di dalam jawatankuasa di sana, saya sibuk kerana banyak perkara hal ehwal orang ramai mesti dijaga. Ada hal ehwal kawasan, hal ehwal politik banyak. Tetapi ini menunjukkan bahawa tidak ada peranan yang boleh diberi kepada ADUN penyokong Barisan Nasional tetapi pembangkang beliau boleh terima.

Saya pun dengar di dalam mesyuarat itu, *Pre-Council* Barisan Nasional pun ada pemimpin-pemimpin mencadangkan bahawa kedua-dua dari Bayan Lepas dan Datok Keramat mesti duduk dalam satu *committee*. Ada orang yang ada dua *committee* iaitu ahli baru dari Kawasan Sungai Pinang. Ada sesiapa boleh nampak namanya sendiri dua kali. Dulu satu ADUN satu kali sahaja, empat *committee*. Mengapa takutkah atau mengapa? Pada masa itu ada *good real* dia tunjukkan mahu menerima saya balik parti. Itu masa sebelum persidangan Dewan ini. Baru-baru keluar parti, dia sudah potong. Ini mana boleh bekerjasama. Ini rakyat mesti tahu, Ketua Barisan Pulau Pinang boleh menerima ADIL, boleh menerima PAS, boleh menerima DAP tetapi bukan Ahli Gerakan dulu atau bekas Ahli Gerakan atau ADUN-ADUN yang masih menyokong Kerajaan. Ini mesti beritahu kepada Perdana Menteri. Saya kata di sini Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mesti ambil perhatian tentang menyalahgunakan kuasa oleh seseorang pemimpin negeri yang tidak bertanggungjawab, yang tidak *competed*. Saya masih mewakili kawasan, bukan parti. Dalam erti kata latar belakang parti. Kalau ini *guide line* atau garispanduan yang pembangkang pun boleh diterima mengagua?.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya akan habiskan.

Tuan Speaker:

Belum bagi jalan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Y.B. Dato' Speaker oleh kerana melibatkan nama pembangkang jadi saya terpaksa bangun. Oleh sebab apa, nama-nama yang dikemukakan oleh pihak pembangkang adalah dikemukakan oleh Ketua Pembangkang tetapi kalau dua orang dari Datok Keramat dan Bayan Lepas mahu masuk pembangkang maka saya pada ketika itu boleh *submit*kan nama-nama dia orang.....(ketawa), tetapi tidak masuk apa mahu buat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasihlah kepada Y.B. daripada Penanti. Ada penjelasan lagi.

Tuan Speaker:

Penjelasan Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Y.B. Dato' Speaker, saya tidak setuju dengan apa yang telah diuraikan oleh Y.B. daripada Penanti. Kita memang tidak ingin nampak Y.B. daripada Datok Keramat dengan Y.B. daripada Bayan Lepas itu masuk pembangkang kerana mereka ini bertanding atas tiket Barisan Nasional dan mereka dipilih oleh rakyat juga atas tiket Barisan Nasional dan perjuangan mereka sampai hari ini pun tidak pernah bercakap mereka mahu menyertai atau mahu sokong Barisan Nasional tetapi mereka ini setuju dengan perjuangan dan objektif Barisan Nasional. Jadi perkara masuk pembangkang dan nama akan dicalunkan oleh parti pembangkang ini tidak wujudlah tetapi saya di sini ingin mengambil kesempatan Y.B.

Dato' Speaker, saya rasa simpatilah dengan Y.B. daripada Datok Keramat dan Y.B. Bayan Lepas kerana saya semalam pun saya sudah sentuhkan, kita jangan cakap satu dan buat lain dan bila kita masuk ke Dewan ini, kita kena ketepikan semua latar belakang politik dan apa lagi Y.B. daripada Datok Keramat dan Bayan Lepas memang juga bertanding di atas tiket Barisan Nasional. Mereka tidak keluar daripada Barisan Nasional. Jadi tidak faham juga bila saya terima senarai nama ini kenapa nama kedua-dua ini tidak dimasukkan kerana ini pun kawan kita.

Kita sebagai manusia ini bukan hendak bawa politik sampai mati dan kita hidup di dunia ini pun bukannya lama juga. Ada yang panjang umur sampai 70 tahun tetapi ada juga mati 50 tahun. Kebanyakan *politician* itu didapati banyak yang mati cepatlah kerana inilah tekanan yang terlalu tinggi. Apa gunanya kita hendak bagi tekanan yang begitu tinggi antara satu dengan lain. Saya rasa tidak perlulah kerana kita boleh buat arena politik ini lebih bersih, lebih cantik, lebih bahagia, lebih khidmat untuk membawa faedah kepada rakyat. Ini adalah impian sayalah masuk menceburi politik dan saya pun tahu banyak Yang Berhormat-Yang Berhormat *backbencher* ini memang ada impian semacam ini. Kita masuk menceburi politik pada hari yang pertama kita masuk politik kerana kita ada satu visi, satu impian kita, mimpi kita dan wawasan kita bahawa kita mahu menolong rakyat. Jadi jangan sampai bila satu tahap apabila sudah ada satu kuasa dipegang di dalam tangan dan kita sudah lupalah masa hari pertama kita masuk. Jangan kita berubah. Saya rasa kita sebagai manusia ini, kita kena ada prinsip. Jangan jualkan prinsip kita.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat tolong ringkaskan.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Yang Berhormat penjelasan.

Tuan Speaker:

Ini pun penjelasan, dan *floor* sekarang berada di tangan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Yang Berhormat penjelasan, sedikit sahaja

Tuan Speaker:

Untuk kebenaran kepada siapa.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Nantilah biar bagi saya habis.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat tolong duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan saya beri Ahli Kawasan Jawi habiskan.

Tuan Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Jadi ini pandangan sayalah. Saya rasa sedikit kecewa kerana kalau hendak mencapai Wawasan 2020, satu masyarakat penyayang, kita patut tunjukkan contoh dengan teladan bahawa kita tunjukkan dengan kasih sayang, prihatin daripada hati. Itulah penjelasan saya. Terima kasih.

Tuan Speaker:

Y.B. Penanti.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Boleh diterima.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Terima kasih kerana saya cuma hendak membangkitkan, kalau masuk pembangkang bukannya satu niat yang baik jugakah?. Tadi Y.B. Jawi kata, kalau masuk pembangkang maka dia tidak setuju. Serupa juga, niat baik juga, semuanya baik juga. Apa pembangkang jahatkah?.....(ketawa)

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Saya tidak cakap pembangkang jahat tetapi Penanti cakap. Saya tidak cakap.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Saya tidak beri laluan. Saya buat andaian.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

You buat andaian tetapi ini bukannya fikiran saya.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memperingatkan bahawa muslihat ini semua kita faham. Kalau kata sokong Barisan Nasional, Y.A.B. Ketua Menteri adalah Pengerusi Barisan Nasional Perhubungan Negeri Pulau Pinang. Kalau sokong ertinya sokong Y.A.B. Tan Sri Koh Soo Koon juga. Tetapi saya jangan libatkan pembangkang. Kalau libatkan pembangkang maka saya mesti bercakap. Saya mesti bercakap punya. *Okay*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasihlah kepada Ketua Pembangkang yang menunjukkan persediaan mereka untuk menerima ADUN-ADUN dari *backbench* tetapi saya mesti beritahulah bahawa saya tidak akan menyertai dengan rakan saya Y.B. Lim tidak akan menyertai pembangkang, oleh apa? Oleh sebab dari Dewan, iaitu dari hari pertama kita keluar parti Gerakan, kita sudah membuat pengumuman. Itu pendirian kita dan prinsip kita, kita tidak tukar. Kita dipilih di atas apa? Di atas satu surat di sini yang ditandatangani oleh Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semuanya termasuk Y.A.B. Ketua Menteri pun menggunakan lambang Barisan Nasional. Kita semua Barisan Nasional. Saya boleh keluar Gerakan tetapi masih Barisan Nasional.....(ganguan).

Tuan Speaker:

Yang Berhormat teruskan dengan lebih tepat lagi kerana ini sudah lari jauh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Boleh. Dato' Speaker, ini satu perbincangan tentang jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan tetapi mengapa Ketua Menteri rasa dendam oleh kerana kita keluar dari Gerakan. Kita masih ADUN. Tidak payah kata latarbelakanglah kerana ini T.Y.T. yang telah berikan pandangan atau nasihat beliau. Saya haraplah ini mesti diambil perhatian.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat masuk balik Gerakan, tentu akan dipilih. Saya yakin.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Ini bukannya isu, kalau saya masuk balik pembangkang pun boleh dipilih tetapi saya bukan mahu duduk dalam Gerakan buat masa ini. Ini menunjukkan prinsip yang tidak betul. Betul tidak? Ini prinsip iaitu mendapatkan penyertaan semua ADUN dalam kawalan hal ehwal Dewan Undangan Negeri. Ini prinsip pun kita sudah jelas, kita orang Barisan. Mengapa halaukan kedua-dua? Bukan mahu berkhidmat banyak. Ini tidak ada apa-apa tetapi ini menunjukkan sikap itu rasa dendam seseorang pemimpin yang tidak menunjukkan tindakannya apa yang dikeluarkan dari mulutnya dan kalau mereka memanggil Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil tindakan tentang kedua-dua tentang apa yang kita ucapkan. Untuk kepentingan rakyat mengapa isu ini tidak boleh diambil. Saya rujukkan secara rasminya sekarang, dengan umumnya kepada Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa isu ini ambil penting. Kita jangan dihalaukan keluar daripada Barisan Nasional. *Don't force us to leave Barisan. I repaid.* Kalau kita keluar dari Barisan Nasional ialah tindakan rasa dendam seseorang pemimpin maka dia mesti bertanggungjawab kepada Barisan Nasional, bukannya saya. Saya mesti beritahu. Dia sangat takutlah. *May be* formula Barisan Nasional akan tukar sedikit sebanyak kalau kita menyertai komponen lain dan ini bukan menjadi sebab untuk melemahkan Barisan Nasional keseluruhannya. Barisan Nasional mesti kukuh dan kuat. Mengapa takut dan mahu.....(ganguan).

Tuan Speaker:

Saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Itu sudah jauh sangat larinya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tidak saya akan golong sikit. Dato' Speaker, ini menunjukkan dari Bahasa Mandarin "cheung wai shia chai, hai chu yi chi. Can cau chu khen." Ini menunjukkan dia punya itu *chest* ada *narrow* sikit, dan orang pandangan yang lain, dia mesti hapuskan, dan dia mahu ambil itu rumput keluar dengan akar umbinya semua. "Can cau chu khen."...(bahasa Cina). ada potong rumput, dia ambil keluar akar umbinya. Ini sajalah dan dengan ini Dato' Speaker, saya buat bantahan. Rakan saya Y.B. dari Bayan Lepas, dia pun sama-sama dengan pandangan saya dan kita akan keluar dari Dewan ini pada sidang untuk empat-empat *committee* ini untuk menunjukkan protes iaitu Pengerusi Barisan Nasional selaku Ketua Menteri menindas penyokong Barisan Nasional dan menindas orang Datok Keramat, orang ramai yang mengundi, rakyat yang mengundi kita semua di Datok Keramat dan Bayan Lepas.

Tuan Speaker:

Saya jemput Y.B. dari Telok Bahang.

Timbalan Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang telah mengambil bahagian di Dewan ini.

Dato' Speaker, saya ingin membaca sedikit Seksyen 109 *Standing Order* Dewan ini. Dengan izin "*Members of the committee may be chosen by the Assembly and in such manner as shall ensure that, so far as is possible, the balance between the Government and the Opposition in the Assembly is reflected in the Committee*".

Ini bermakna Dato' Speaker, perseimbangan hendaklah wujud di kalangan Ahli-ahli dari pihak Kerajaan dan juga pihak pembangkang. Hal ini Dato' Speaker, pihak Kerajaan telahpun membuat keputusan dalam mesyuarat dan telah berbincang bahawa nama-nama yang saya sebut tadi mewakili pihak Kerajaan dan pihak pembangkang telah juga telah ada wakilnya. Jadi cumanya Ahli-ahli daripada Datok Keramat dan Bayan Lepas, mereka tidak tahu di mana kedudukannya, sama ada pembangkang atau Kerajaan. Jadi tidak tahu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Boleh. Dato' Speaker, ini satu perbahasan tentang jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan tetapi mengapa Ketua Menteri rasa dendam oleh kerana kita keluar dari Gerakan. Kita masih ADUN. Tidak payah kata latarbelakanglah kerana ini T.Y.T. yang telah berikan pandangan atau nasihat beliau. Saya haraplah ini mesti diambil perhatian.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat masuk balik Gerakan, tentu akan dipilih. Saya yakin.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Ini bukannya isu, kalau saya masuk balik pembangkang pun boleh dipilih tetapi saya bukan mahu duduk dalam Gerakan buat masa ini. Ini menunjukkan prinsip yang tidak betul. Betul tidak? Ini prinsip iaitu mendapatkan penyertaan semua ADUN dalam kawalan hal ehwal Dewan Undangan Negeri. Ini prinsip pun kita sudah jelas, kita orang Barisan. Mengapa halaukan kedua-dua? Bukan mahu berkhidmat banyak. Ini tidak ada apa-apa tetapi ini menunjukkan sikap itu rasa dendam seseorang pemimpin yang tidak menunjukkan tindakannya apa yang dikeluarkan dari mulutnya dan kalau mereka memanggil Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil tindakan tentang kedua-dua tentang apa yang kita ucapkan. Untuk kepentingan rakyat mengapa isu ini tidak boleh diambil. Saya rujukkan secara rasminya sekarang, dengan umumnya kepada Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa isu ini ambil penting. Kita jangan dihalaukan keluar daripada Barisan Nasional. *Don't force us to leave Barisan. I repaid.* Kalau kita keluar dari Barisan Nasional ialah tindakan rasa dendam seseorang pemimpin maka dia mesti bertanggungjawab kepada Barisan Nasional, bukannya saya. Saya mesti beritahu. Dia sangat takutlah. *May be* formula Barisan Nasional akan tukar sedikit sebanyak kalau kita menyertai komponen lain dan ini bukan menjadi sebab untuk melemahkan Barisan Nasional keseluruhannya. Barisan Nasional mesti kukuh dan kuat. Mengapa takut dan mahu.....(gangguan).

Tuan Speaker:

Saya rasa cukuplah Yang Berhormat. Itu sudah jauh sangat larinya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tidak saya akan golong sikit. Dato' Speaker, ini menunjukkan dari Bahasa Mandarin "cheung wai shia chai, hai chu yi chi. Can cau chu khen.". Ini menunjukkan dia punya itu *chest* ada *narrow* sikit, dan orang pandangan yang lain, dia mesti hapuskan, dan dia mahu ambil itu rumput keluar dengan akar umbinya semua. "Can cau chu khen."... (bahasa Cina). ada potong rumput, dia ambil keluar akar umbinya. Ini sajalah dan dengan ini Dato' Speaker, saya buat bantahan. Rakan saya Y.B. dari Bayan Lepas, dia pun sama-sama dengan pandangan saya dan kita akan keluar dari Dewan ini pada sidang untuk empat-empat *committee* ini untuk menunjukkan protes iaitu Pengerusi Barisan Nasional selaku Ketua Menteri menindas penyokong Barisan Nasional dan menindas orang Datok Keramat, orang ramai yang mengundi, rakyat yang mengundi kita semua di Datok Keramat dan Bayan Lepas.

Tuan Speaker:

Saya jemput Y.B. dari Telok Bahang.

Timbalan Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli yang telah mengambil bahagian di Dewan ini.

Dato' Speaker, saya ingin membaca sedikit Seksyen 109 *Standing Order* Dewan ini. Dengan izin "*Members of the committee may be chosen by the Assembly and in such manner as shall ensure that, so far as is possible, the balance between the Government and the Opposition in the Assembly is reflected in the Committee*".

Ini bermakna Dato' Speaker, perseimbangan hendaklah wujud di kalangan Ahli-ahli dari pihak Kerajaan dan juga pihak pembangkang. Hal ini Dato' Speaker, pihak Kerajaan telahpun membuat keputusan dalam mesyuarat dan telah berbincang bahawa nama-nama yang saya sebut tadi mewakili pihak Kerajaan dan pihak pembangkang telah juga telah ada wakilnya. Jadi cumanya Ahli-ahli daripada Datok Keramat dan Bayan Lepas, mereka tidak tahu di mana kedudukannya, sama ada pembangkang atau Kerajaan. Jadi tidak tahu.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan Dato' Speaker.

Timbalan Ketua Menteri.

Tidak beri.

Tuan Speaker:

Yang Berhormat tidak beri jalan. Duduk Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Tidak beri jalan. Tidak apalah.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingat penjelasan pun sudah banyak. Jadi itulah Dato' Speaker, pemilihan secara sebegitu, secara kita bermesyuarah, berbincang dan kita minta nama dari parti-parti komponen kita. Jadi kalau mana-mana parti komponen yang menghantar nama daripada Y.B. daripada Datok Keramat dan Bayan Lepas maka kita akan terima. Tetapi setakat ini, tidak ada parti yang menghantar nama kedua-dua Ahli daripada Datok Keramat dan juga Bayan Lepas itu. Saya ingat itu saja, Dato' Speaker. Saya ingin mohon mencadangkan.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | | | |
|-----|--|---|------------|
| (1) | Y.B. Tuan Speaker | - | Pengerusi. |
| (2) | Y.B. Encik Lee Hack Teik | - | Ahli. |
| (3) | Y.B. Encik Lim Gim Soon | - | Ahli. |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - | Ahli. |
| (5) | Y.B. Encik Looi Swee Cheang | - | Ahli. |
| (6) | Y.B. Dr.Radin Muhamad
bin Radin Haji Hadi Munir | - | Ahli |
| (7) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan
bin Abdul Rahman | - | Ahli |
| (8) | Y.B. Encik Law Heng Kiang | - | Ahli |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang melibatkan kemudahan dan keselesaan Ahli-ahli Dewan termasuk pembaikan Bangunan Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan Tiga Ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa, dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya" yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya."

Tuan Speaker:

"Ya." lebih banyak.

Setiausaha:

"(B) Usul daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya."

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | |
|---|-------------|
| (1) Y.B. Tuan Speaker | - Pengerusi |
| (2) Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum | - Ahli. |
| (3) Y.B. Puan Tan Cheng Liang | - Ahli. |
| (4) Y.B. Encik Jasmin b. Mohamed | - Ahli. |
| (5) Y.B. Encik Looi Siew Cheang | - Ahli. |
| (6) Y.B. Puan Ng Siew Lai | - Ahli. |
| (7) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - Ahli. |
| (8) Y.B. Encik Law Heng Kiang | - Ahli. |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan Tiga Ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendak melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Dibuka untuk perbahasan, kalau ada. Kalau tidak ada, dijemput Ahli dari Kawasan Telok Bahang.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih kerana tidak ada perbahasan.

Tuan Speaker:

Minta maaf. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:-

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh:

- | | |
|---|-------------|
| (1) Y.B. Tuan Speaker | - Pengerusi |
| (2) Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum | - Ahli. |
| (3) Y.B. Puan Tan Cheng Liang | - Ahli. |
| (4) Y.B. Encik Jasmin b. Mohamed | - Ahli. |
| (5) Y.B. Encik Looi Siew Cheang | - Ahli. |
| (6) Y.B. Puan Ng Siew Lai | - Ahli. |
| (7) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - Ahli |
| (8) Y.B. Encik Law Heng Kiang | - Ahli. |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujukkan kepadanya yang ada kaitan dengan Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan Tiga Ahli lain akan membentuk satu korum.

Jawatankuasa ini tidak akan mempunyai kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah melainkan Dewan ini memutuskan sebaliknya. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa dipersetujui. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan"

"Ya."

Tuan Speaker:

"Ya." sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

(C) : Usul daripada Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kesepuluh":

- | | | | |
|-----|---|---|------------|
| (1) | Y.B. Tuan Speaker | - | Pengerusi. |
| (2) | Y.B. Encik Loo Ah Dee | - | Ahli |
| (3) | Y.B. Encik Lau Chiek Tuan | - | Ahli |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - | Ahli. |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - | Ahli |
| (6) | Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan | - | Ahli |
| (7) | Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - | Ahli |
| (8) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abdul Rahman. | - | Ahli |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan Hak dan Kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan Tiga Ahli lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa ini hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri yang Kesepuluh."

- | | | | |
|-----|--|---|-----------|
| (1) | Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid | - | Pengerusi |
| (2) | Y.B. Encik Loo Ah Dee | - | Ahli |
| (3) | Y.B. Encik Lau Chiek Tuan | - | Ahli |
| (4) | Y.B. Encik Lai Chew Hock | - | Ahli |
| (5) | Y.B. Puan Ng Siew Lai | - | Ahli |
| (6) | Y.B. Encik Abd. Ro'ni bin A. Hasan | - | Ahli |
| (7) | Y.B. Encik Abd. Rahman b. Abd. Kadir | - | Ahli |
| (8) | Y.B. Encik Mohd. Hamdan b. Abd. Rahman | - | Ahli |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menimbang sebarang hal yang dirujuk kepada yang ada kaitan dengan Hak dan Kebebasan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan tiga ahli lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen dan risalah-risalah. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa. Ahli yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Dewan:

"Ya."

Tuan Speaker:

“Ya.” sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

(D) Usul daripada Y.B. Dato’ Dr. Hilmi bin Haji Yahaya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato’ Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Dato’ Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa:

“Dewan ini membuat ketetapan bahawa Ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Kerajaan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kesepuluh.”

- | | |
|---|-------------|
| (1) Y.B. Encik Hilmi bin Abdul Rashid | - Pengerusi |
| (2) Y.B. Encik Teng Chang Yeow | - Ahli |
| (3) Y.B. Tuan Syed Ameruddin bin
Dato’ Haji Syed Ahmad | - Ahli |
| (4) Y.B. Encik Lye Siew Weng | - Ahli |
| (5) Y.B. Encik Abdul Rahman bin Abdul Kadir | - Ahli |
| (6) Y.B. Encik Lau Heng Kiang | - Ahli |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan Dua Ahli lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato’ Haji Abdul Rashid bin Abdullah):

Dato’ Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul:

“Bahawa Dewan ini membuat ketetapan bahawa ahli-ahli yang berikut dilantik sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan bagi Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Kesepuluh.”

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| (1) | Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid | - | Pengerusi |
| (2) | Y.B. Encik Teng Chang Yeow | - | Ahli |
| (3) | Y.B. Tuan Syed Ameruddin bin
Dato' Haji Syed Ahmad | - | Ahli |
| (4) | Y.B. Encik Lye Siew Weng | - | Ahli |
| (5) | Y.B. Encik Abd.Rahman b. Abd.Kadir | - | Ahli |
| (6) | Y.B. Encik Lau Heng Kiang | - | Ahli |

Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk memeriksa sebarang kira-kira yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri. Pengerusi dan dua Ahli lain akan membentuk satu korum. Jawatankuasa diberi kuasa untuk menjemput orang-orang menghadapinya atau mendapatkan dokumen-dokumen atau risalah-risalah. Jawatankuasa hendaklah melaporkan kepada Dewan Undangan Negeri dari masa ke semasa. Ahli yang bersetuju katakan “Ya”. Yang tidak bersetuju katakan “Tidak”.

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”.

Tuan Speaker:

“Ya.” sebulat suara. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul ‘E’ dan ‘F’ telah ditarik balik oleh pembawa usul. ‘E’ dan ‘F’, terima kasih.

Setiausaha:

Pemilihan Ahli Dewan Negara.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta mengemukakan cadangan nama-nama bagi dipilih Ahli Dewan Negara yang baru bagi menggantikan Yang Berbahagia Dato' Chet Sing s/o Karam Singh dan Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad bin Ismail yang telah tamat tempoh bagi Ahli Dewan Negara pada 4 Disember 1999. Pemilihan akan dijalankan mengikut cara seperti mana ditetapkan dalam Bahagian (1) Jadual ke-7 Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang akan dipilih akan berkhidmat selama tiga tahun mulai hari ini. Calon untuk pilihan mestilah dicadang dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai dengan kenyataan bertulis ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa ia bersedia berkhidmat jika dipilih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, saya ingin mencadangkan Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad bin Ismail dipilih semula sebagai Ahli Dewan Negara. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah dipilih sebagai Ahli Dewan Negara oleh Dewan dalam Mesyuarat Dewan pada 5 Disember 1996. Bagi mengambil tempat yang dikosongkan oleh Yang Berbahagia Dato' Abdul Rashid bin Hj. Ismail berkuatkuasa mulai 5 Disember 1996 hingga 4 Disember 1999. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad bin Ismail adalah Ketua UMNO Bahagian Bukit Bendera, beliau juga Ahli Jawatankuasa perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1989. Beliau merupakan seorang usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya. Beliau juga bergiat cergas dalam Persatuan Seni Silat Gayong Asli sejak tahun 1974 dan Persatuan Sepaktakraw Negeri Pulau Pinang sejak tahun 1995. Beliau juga telah dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kecil Pembangunan Majlis Usahawan Negeri Pulau Pinang mulai tahun 1996 yang bertanggungjawab terhadap perkembangan pembangunan usahawan-usahawan di Pulau Pinang.

Dato' Speaker, berdasarkan kepada pengalaman yang luas yang dimiliki oleh beliau, saya percaya jika beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Negara beliau dapat memberi sumbangan yang lebih bermakna kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan negara amnya. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen):

Dato' Speaker, ini ialah pernyataan bertulis.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):

Dato' Speaker, saya bangun untuk mencadangkan Yang Berbahagia Dato' Dr. Chin Fook Weng dipilih sebagai Ahli Dewan Negara. Cadangan Yang Berbahagia Dato' Dr. Chin Fook Weng dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negara adalah bagi mengisi satu kekosongan yang telah wujud setelah Yang Berbahagian Dato' Chet Singh s/o Karam Singh tamat tempoh perkhidmatanya pada 4 Disember 1999. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Dr. Chin Fook Weng dilahirkan di Negeri Pulau Pinang. Beliau telah berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Pengajian Teknologi Industri Universiti Sains Malaysia sejak bulan November 1973 dan kini menyandang Jawatan Professor Madya serta menjadi Pengerusi Rancangan Teknologi Proses Kimia. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Dr. Chin Fook Weng merupakan Ahli seumur hidup Parti Gerakan Rakyat Malaysia dan telah banyak terlibat dalam perkembangan parti di Pulau Pinang. Sumbangan dan perkhidmatan beliau dalam masyarakat sebagai Ahli Lembaga, Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dari bulan Julai 1974 sehinggalah 31 Jun 1976 dan kemudiannya telah dipilih sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang sejak 15 Disember 1977 sehingga 31 Disember 1998. Dengan itu beliau telah bertugas dengan Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang ini selama 23 tahun.

Dato' Speaker, berdasarkan kepada pengalaman yang luas yang dimiliki oleh beliau, saya percaya jika beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Negara beliau dapat memberi sumbangan yang cukup bermakna kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan negara Malaysia amnya. Dato' Speaker, Yang Berbahagia Dato' Dr. Chin Fook Weng telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara jika dipilih. Dengan itu Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun):

Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah):

Dato' Speaker, saya serahkan dokumen-dokumen yang berkenaan.

Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah terdapat dua calon telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama tiga tahun mulai hari ini iaitu Dato' Ahmad bin Ismail dan Dato' Chin Fook Weng dipersetujui.

Ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

Tuan Speaker:

"Ya". Sebulat suara.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Ahli Kawasan Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat daripada Kawasan Telok Bahang telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Alaf Baru Tahun 2000 semoga kita akan terus dapat berbakti kepada rakyat dan negara. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan juga Selamat Tahun Baru Kong Hee Fa Chai kepada rakan-rakan daripada kaum Tionghua.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.